



KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA

KERATAN AKHBAR 16 APRIL 2017

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

ISU : KAUNTER PTPK DI UTC

Bil	Tarikh/ Hari	Akhbar & Tajuk Berita	Ruang/ Muka Surat	Pihak Terlibat
1.	16.04.2017 Ahad	UTUSAN MALAYSIA Kaunter PTPK diperluas di semua UTC	Dalam Negeri 21	PTPK

Kaunter PTPK diperluas di semua UTC

KUANTAN 15 April - Kaunter Perbadanan Tabung Pembangunan Kemahiran (PTPK) akan dibuka di semua Pusat Transformasi Bandar (UTC) di seluruh negara bagi memperluaskan saluran bayaran balik pinjaman latihan kemahiran yang disediakan agensi di bawah Kementerian Sumber Manusia itu.

Timbalan Menteri Sumber Manusia, Datuk Seri Ismail Abd. Muttalib berkata, setakat ini kadar bayaran balik pinjaman PTPK begitu perlahan dan perlu ditingkatkan segera.

"Kita merancang membuka lapan kaunter PTPK di semua UTC di seluruh negara dan sehingga kini dua UTC mempunyai kaunter ini iaitu di Kuching, Sarawak serta di sini.

"Peningkatan kutipan bayaran balik dapat memberi peluang khususnya anak-anak muda mendapatkan pinjaman untuk mengikuti latihan kemahiran," katanya dalam sidang akhbar selepas merasmikan pembukaan Kaunter Bayaran Balik PTPK Zon Timur di UTC Kuantan, hari ini.

Yang turut hadir Ketua Setiausaha kementerian, Datuk Seri Adenan Ab. Rahman dan Ketua Eksekutif PTPK, Datuk Abdul Halim Muhammad Salleh.

Ismail berharap prestasi kutipan bayaran balik PTPK meningkat sekali gus dapat membantu agensi berkenaan menyediakan dana pinjaman latihan kemahiran yang lebih efisien.

Sementara itu, Abdul Halim berkata, pada tahun lalu PTPK meluluskan pinjaman latihan kemahiran melibatkan seramai



ISMAIL ABD. MUTTALIB melihat resit bayaran balik pinjaman PTPK kepada **Goh Ju Yun** (kiri) sambil diperhatikan **Adenan Ab. Rahman** (kanan) selepas merasmikan Kaunter Bayaran Balik PTPK Zon Timur di UTC Kuantan, Pahang semalam. - MINGGUAN/MAHATHIR ALI

2,425 pelatih di latihan awam di bawah kelolaan Institut Latihan Jabatan Tenaga Manusia (ILJTM) yang keseluruhannya berjumlah RM39.808 juta.

Bagi pelatih yang mengikuti pengajian di penyedia latihan swasta pula, kata beliau, berjumlah 28,458 orang membabitkan pinjaman kira-kira RM376 juta yang telah mendapat kelulusan.

"Daripada jumlah pinjaman ini, kutipan bayaran balik pada 2016 adalah sebanyak RM58.75 juta berbanding RM49.06 juta pada tahun sebelumnya.

"Kutipan pada tahun lalu meningkat sebanyak 20 peratus," katanya.

Beliau berkata, PTPK mengambil langkah proaktif dengan mewujudkan beberapa insentif

bagi membantu dan menggalakkan peminjam membuat bayaran balik seperti pengecualian bayaran caj pentadbiran ke atas pinjaman latihan kemahiran.

"Insentif *early bird* ini diberikan kepada peminjam yang menyelesaikan keseluruhan jumlah pinjaman dalam 20 peratus dalam tempoh bayaran balik yang ditetapkan," katanya.

ISU : PETUGAS KESELAMATAN & KESIHATAN

Bil	Tarikh/ Hari	Akhbar & Tajuk Berita	Ruang/ Muka Surat	Pihak Terlibat
1.	16.04.2017 Ahad	BERITA HARIAN NIOSH syor lantik petugas keselamatan, kesihatan	Pendidikan 69	NIOSH

NIOSH syor lantik petugas keselamatan, kesihatan

Georgetown: Institut Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan Negara (NIOSH) mencadangkan kepada Kementerian Pendidikan melantik pegawai keselamatan dan kesihatan di semua sekolah.

Pengerusinya, Tan Sri Lee Lam Thye, berkata cadangan berkenaan bertujuan memupuk kesedaran dan sikap tanggungjawab guru, pelajar serta kakitangan berhubung hal keselamatan dan kesihatan di sekolah.

Selain itu, katanya, pegawai yang dilantik juga mesti bertanggungjawab mengeluarkan garis panduan khusus bagi semua aktiviti luar yang mahu dilaksanakan pihak sekolah.

Ditempatkan di semua sekolah
"Pegawai ini perlu ditempatkan di semua sekolah, khususnya sekolah yang mempunyai kapasiti murid yang tinggi, iaitu melebihi 1,000 murid," katanya pada sidang media selepas menghadiri Seminar Keselamatan Sekolah di sini, semalam.

Lam Thye turut mencadangkan agar penganjuran seminar keselamatan dan kesihatan dijalankan berterusan, khususnya bagi aspek perundangan dan pengurusan sekolah.

Beliau turut mencadangkan audit keselamatan struktur bangunan sekolah yang sudah melebihi 20 tahun dijalankan bagi memastikan binaan terbabit kukuh dan selamat digunakan.



Lee Lam Thye